



**KEMISKINAN
MELAYU DAN
JALAN KEPULIHANNYA**

ZA'BA

Kata Pengantar

ANWAR IBRAHIM

9595
AB



Kemiskinan Melayu dan Jalan Kepulihannya

Za'ba

Penerbit
Kalam Budi



ISBN 978-629-99515-1-3

Buku ini diterbitkan oleh **Kalam Budi Sdn. Bhd** di bawah Komuniti Malaysia Pemurah (Benevolent Malaysia)

Cetakan Pertama 2024

© Hak Cipta Kalam Budi Sdn. Bhd.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Kalam Budi Sdn. Bhd.

Teks © Terbitan ulang rencana Za'ba

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Kalam Budi Sdn. Bhd.

No. 7 (1F), Jalan KLIA Avenue,

Pusat Perdagangan KLIA, 43900 Sepang, Selangor

Dicetak di Malaysia oleh:

Firdaus Press Sdn. Bhd.

No. 28, Jalan PBS 14/4,

Taman Perindustrian Bukit Serdang



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ





Isi Kandungan

Kata Pengantar	ix
Kata Alu-aluan	xiii
Daripada Penerbit	xvii
Rencana Pertama	1
The Poverty of the Malays	
Rencana Kedua	13
The Salvation of the Malays	
Rencana Ketiga	21
Kemiskinan Melayu	
Rencana Keempat	41
Jalan Keselamatan Orang bagi Melayu	
Lampiran	67
Lampiran	83
Lampiran	85



Kata Pengantar

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, dan Salam Sejahtera.

Menurunkan Kata Pengantar kepada seorang reformis pemikiran Melayu yang pernah ditumpangkan lahir di tanah air kita ini adalah sebuah penghormatan besar.

Za'ba itu bukanlah lahir daripada keluarga yang dipenuhi dengan segala kesenangan, malah Za'ba juga tidak pernah mengikuti pendidikan formal terkait ekonomi. Namun, keilmuan dan pandang jauh beliau itu telah meninggalkan kesan tampak yang begitu jelas dalam corak faham ekonomi peribumi sehingga hari ini.

Saya merasakan begitu terletak di tempatnya untuk buku ini diterbitkan semula bersempena hari besar memperingati 100 Tahun Za'ba sebagai Pemikir Ekonomi yang dilangsungkan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). UPSI atau dahulunya Sultan Idris Training College (SITC) telah menjadi tempat Za'ba mengembang penulisan Bahasa Melayu di Pejabat Karang-Mengarang.

Karya Za'ba telah disifatkan sebagai “logam bernilai besar” oleh Profesor Ungku Aziz yang juga telah menerbitkan

semula beberapa rencana awal Za'ba di dalam bukunya "Jejak-Jejak di Pantai Zaman".

Maka, jelaslah bahawa selepas 100 tahun lamanya, "logam bernilai besar" ini haruslah dikorek kembali daripada kedalaman pasir zaman untuk dilebur dan diedarkan kepada segenap lapisan masyarakat yang marcapada kian lupa akan legasi Za'ba sebagai anak Melayu pertama yang merungkai soal kemiskinan orang Melayu di dalam penulisannya dan teguh mencabar, memukah pemikiran orang Melayu.

Adalah gagal seseorang itu jika tidak memahami pemikiran Za'ba tanpa menekuni perihal kemiskinan orang Melayu yang diangkat beliau. Penulisan Bahasa Inggeris Za'ba yang mencabar faham kemiskinan orang Melayu telah diterbit sebagai lidah pengarang di dalam *The Malay Mail* pada tahun 1923. Kemudiannya, diterbit pula ke dalam Bahasa Melayu di dalam majalah *Al-Ikhwan* pada 1927. Pendapat-pendapat penting Za'ba terhadap kemiskinan orang Melayu ini terkandung di dalam dua rencana penting masyarakat kita - "*The Poverty of the Malays*" dan "*The Salvation of the Malays*" yang bakal diulang terbit sekali lagi.

Za'ba telah memperluas makna dan faham kemiskinan orang Melayu itu dengan begitu luas sekali sehinggakan bagi orang-orang yang mungkin tidak pernah membacanya akan merasakan bahawa pendapat dan kritikan beliau itu adalah terlalu tajam untuk dihadam.

Kendatipun begitu, faham Za'ba terhadap permasalahan kemiskinan orang Melayu ini perlulah ditekuni dan difahami dengan segala kudrat pemikiran kerana peri pentingnya fahaman itu untuk memajukan bangsa dan negara.

Seyogianya, pendapat Za'ba bahawa orang Melayu itu bukan sahaja miskin pada wang ringgit dan hartanya malah lebih miskin pada cita-cita dan hemat, pelajaran, dan miskin pada beberapa sifat-sifat keperangaian yang mulia perlulah difahami dan disuai dengan keadaan negara pada hari ini. Manakala, rencana beliau "Jalan Keselamatan bagi Orang Melayu" itu adalah satu rencana yang kekal malar sehingga hari ini, menawarkan kita dengan jalan- jalan penyelesaian penting terhadap permasalahan kemiskinan itu sendiri.

Intiha, semoga dengan penerbitan semula dua karya agung Za'ba ini, kefahaman kita bersama terhadap kemiskinan itu akan meninggi, faham kita terhadap nilai-nilai luhur sebagai sebuah masyarakat juga akan bertambah jaleh dan mampu menimbulkan sebuah jalan keselamatan bagi kita semua.

Saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada penerbit atas penerbitan semula dua rencana hebat ini dan juga kepada UPSI yang akan menjayakan siri Wacana Guru Bangsa dengan menampilkan sarjana, pendidik budiman yang hampir-hampir terlupakan. Kerajaan akan sentiasa menyokong usaha UPSI membawa dan mengangkat semula karya-karya agung dan pemikir-pemikir hebat untuk dinikmati citra pemikiran agung tokoh hebat bangsa ini oleh keseluruhan rakyat.

Selamat menikmati semula karya burung langka ini. Sekian, salam hormat.

Anwar Ibrahim



Kata Alu-aluan

*Assalamualaikum w.b.t.,
Salam Malaysia Madani*

Saya mengucapkan rasa syukur kehadiran Ilahi atas kejayaan Benevolent Malaysia menerbitkan buku guru bangsa yang sangat penting ini iaitu 'Kemiskinan Melayu dan Jalan Kepulihannya'.

Ini merupakan karya Pendeta Za'ba yang sangat penting untuk ditatapi dan ditelaah khususnya generasi muda bagi memahami akar permasalahan kemiskinan Melayu dan penyelesaiannya. Kehebatan sesuatu bangsa ditandai dengan penggalan dan penghargaan mereka terhadap karya-karya besar dan penting dalam sesebuah tamadun dan bangsa. Karya-karya Za'ba termasuk karya ini merupakan sebahagian daripada khazanah karya-karya besar dan penting tersebut. Sebagai anak jati Negeri Sembilan saya berasa berbangga dengan karya putera dari Jempol ini.

Uniknya, karangan penting ini ditulis oleh Za'ba pada zaman kepemudaan beliau ketika masih berumur sekitar 28 tahun pada tahun 1923. Beliau menggunakan zaman keemasan beliau untuk membingkiskan keprihatinan dan pemikiran beliau terhadap kemiskinan Melayu dalam

bentuk penulisan untuk dihadami dan diambil tindakan penyelesaian.

Za'ba dengan lantang dan berani menggodam masalah kemiskinan orang Melayu melalui karya beliau yang dipuji begitu tinggi oleh Profesor Ungku Aziz, seorang lagi guru bangsa kita sehingga beliau menamakan Za'ba sebagai Pengarang Tertua Ekonomi Melayu.

“The Salvation of the Malays” dan *“The Poverty of the Malays”*, pertama kali diterbitkan dalam akhbar The Malay Mail pada tahun 1923. Disebabkan pentingnya mesej yang hendak disampaikan itu untuk tatapan kaum peribumi termasuk mereka yang tidak berpengetahuan Inggeris, versi bahasa Melayu telah diterbitkan dalam Al-Ikhwan secara bersiri dalam bulan Mac, April dan Mei 1927, dengan tajuk “Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu”, dan “Kemiskinan Orang Melayu”.

Karya ini menunjukkan sisi kecerdasan kepemudaan beliau yang mengerah segala daya untuk mengetuk aqal dan indera masyarakat peribumi untuk bangkit. Sayangnya karya ini tidak sangat dibaca. Profesor Ungku Aziz menyifatkan bahawa kita telah kehilangan 50 tahun (separuh abad) masa dan kesempatan untuk memperbaiki masalah ekonomi orang Melayu dengan mengabaikan tulisan Za'ba yg bermutu ini. Alhamdulillah, dengan izin Allah Taala jua, Benevolent Malaysia mencatat sejarah mengambil inisiatif yang mulia ini memperkenalkan dan menerbitkan semula buku ini untuk menjadi tatapan dan bahan perbincangan khususnya generasi muda di pelbagai peringkat.

Saya yakin karya ini mampu memberikan impak kepada pembaharuan pemikiran kepada generasi muda

dan masyarakat. Perubahan pemikiran merupakan asas kepada perubahan yang lebih besar dalam masyarakat. Sesungguhnya sumbangan pembaharuan pemikiran yang dipelopori oleh Za'ba akan terus relevan walaupun setelah 51 tahun pemergian beliau tahun ini.

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim yang turut sudi mencoret kata aluan untuk penerbitan karya ini. Sudah tentu ia sangat menambah nilai kerana saya yakin inisiatif pembasmian kemiskinan yang dipelopori oleh Dato' Seri Anwar di bawah gagasan Malaysia Madani serba sedikit mendapat inspirasi daripada pemikiran Za'ba ini.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada saudara Muhamad Hanapi Jamaludin dan pasukan Benevolent Malaysia yang gigih membidani penerbitan karya yang penting ini. Semoga Allah Taala membalas jasa baik dan budi saudara saudara sekalian. Terima kasih.

Jufitri Joha

Pengerusi Benevolent Malaysia

Nilai, Negeri Sembilan

25 September 2024 / 21 RabiulAwwal 1446 Hijrah

12:53 pagi



Daripada Penerbit

Alhamdulillah thumma Alhamdulillah.

Sebesar kesyukuran kami zahirkan atas segala rahmat kurniaan Allah SWT. Selawat dan salam ke atas sayyidul basyar, Nabi Muhammad SAW.

Adalah sebuah penghormatan kepada kami dapat menghadirkan ke ribaan pembaca sebuah karya bernilai yang lebih berharga daripada segunung intan permata. Empat buah karya yang diterbitkan ulang dalam buku ini adalah sumbangsih terbesar dan terpenting Guru Bangsa, Pendeta Za'ba terhadap ranah keilmuwan dalam perkara iktisad dan sudah tentu pertama seumpunya membicarakan soal penyakit kemiskinan peribumi disertai jalan keluarnya.

Kami ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memudahkan proses untuk menjayakan penghasilan karya terbitan ulang penulisan Za'ba ini.

Buku yang hadir dengan tajuk “Kemiskinan Melayu dan Jalan Kepulihannya” ini mencantumkan intipati daripada kedua-dua rencana Za'ba mengenai tema kemiskinan peribumi yang asli dan terjemahan. Dua daripada empat rencana itu, iaitu *The Poverty of The Malays* dan *The Salvation*

of The Malays kali pertama diterbitkan oleh Malay Mail pada November 1923. Manakala dua rencana seterusnya ialah Kemiskinan Melayu dan Jalan Keselamatan bagi orang Melayu pula diterbitkan secara berperingkat oleh Akhbar Al-Ikhwan bermula pada pertengahan tahun 1927.

Latar kemunculan rencana-rencana bernas ini bermula pada awal November 1923, Za'ba melancarkan penanya sebagai membalas rencana "Ä Civic Sense" yang ditulis pengarang sebelum itu dalam akhbar Malay Mail. Pihak penerbit tidak menemukan artikel berkenaan untuk mengetahui apa isi kandungannya sehingga kelihatan Za'ba mengerahkan seluruh kesanggupan intelektualnya membalas dengan dua buah rencana yang sangat berkualiti.

Apa yang menarik daripada karangan beliau berkenaan? Ungku Aziz menyebutkan makalah Za'ba itu "terlalu baik mutunya". Sidang Editor Malay Mail pula menyatakan bahawa, buat pertama kalinya kekecualian dibuat, rencana Za'ba itu diterbitkan sebagai lidah pengarang (editorial) dengan tidak disunting sedikit pun isinya. Za'ba dinilai oleh sidang editor sebagai "rara avis" (sejenis burung langka yang jarang muncul walaupun dipikat dengan umpan jerat terlicik".

Ungku Aziz memberikan penghormatan lebih daripada yang dapat dibayangkan. Beliau mendedikasikan sebuah buku khas dengan tajuk 'Jejak-jejak di Pantai Zaman' yang di dalamnya beliau menobatkan Za'ba sebagai Pengaraang Tertua Ekonomi Melayu.

Demikianlah Za'ba diiktiraf oleh sarjana terkanan dalam bidangnya. Usahanya berteriak masalah kemiskinan peribumi tidak bersahaja dan hanya menggodam dan

meruntuhkan tidak membina apa-apa. Namun, Za'ba datang dengan segala jalan keluarnya. Daripada masalah iklim yang membalut hama kepemalasan sampai kepada sikap yang membentuk watak (*sosiogenic factors*) yang boleh diubah dengan menempa perasaan-perasaan baharu yang berkehendak kemajuan dan bercita-cita terpuji.

Sebagai penerbit, besarlah harapan kami buku terbitan kami dibaca dan dinikmati pati yang terkandung dalam bunga rampainya. Adapun, kami telah meneliti dan membaca dengan saksama adalah kami memberikan syor kepada kaum bangsa bacalah karya Za'ba ini. Ialah karya yang memberikan makanan berzat kepada tubuh otak sehingga berkuasa pula menggerak saraf-saraf mahu bertindak seperti yang diperkarangkan guru sejati itu.

Rencana-rencana ini telah diiktiraf, dipuji oleh Ungku Aziz dengan rendah tuturnya sebagai berikut “saya berharap tidak dianggap keterlaluhan dalam mencurahkan pujian-pujian kepada Za'ba, jika sekali lagi saya mengajak para pembaca menghormati sikap intelektualnya itu”.

Rencana-rencana ini daripada isi dan kualitinya pada pihak pesan iman, ilmu dan seni kepengarangannya jauh berhitunghitung ganda lebih baik daripada fikiran lain yang cetek dan ringan tetapi lebat tumbuhnya di atas muka bumi ini seperti lalang. Tapi malangnya sering pula ditiup, dibelonkan lebih daripada patut-patut.

Za'ba dalam hidupnya sering pulalah diberikan pelbagai pelabelan kesan radikalnya ghirah dan kritikan beliau terhadap “kejatuhan kaum muslimin”, namun ia tetaplah guru budiman yang lebih mahu dikenal sebagai pendidik yang punya cemburu atau ghirah tinggi dan berusaha dengan

kudrat kuasa dan segala daya ilmiyyahnya untuk membawa keluar kaum muslimim daripada kejatuhan mereka. Demi usaha yang beliau pertaruhkan itu, jauh menandingi kaum pencemuh yang hanya melihat tanpa berbuat sesuatu agar kemuliaan ummah diangkat.

Tumpuan sebenar terbitan ulang ini adalah menciptakan imej wira sebenar yang seluruh usia mereka itu bertujuan besar mencerdaskan ummat. Kesan yang dapat diambil daripada mereka itu berupa keteguhan perjuangan. Za'ba khusus dalam rencana perjuangan ini bermaksud merobek kesedaran ummat agar bangkit akan kedhaifan bangsa mereka sendiri yang secara zahir mahupun batinnya dipagar kemiskinan di tanahnya sendiri.

Dalam mengenangkan nasib yang menimpa bangsanya sendiri, Za'ba telah mewakafkan seluruh jiwa usianya untuk membaik-baik kemalangan yang berabad-abad lama. Penulisan beliau ini tersangatlah bernas dalam menyeru bangsanya bekerjasama, tolong-menolong, bersendirinya pada usaha dan kewajiban, berusaha kuat, membanting tulang serta membanting otak dan mengangkat kemuliaan diri. Za'ba juga menyarankan supaya bermuafakat untuk melaksanakan kutipan wang bagi menghantar anak muda menuntut ilmu ke luar negeri, kerana bahawasanya jika tiada pelajaran, nescaya tiada jalan keluar daripada kepapaan dan sifat kekurangannya. Mengenai beratnya pendidikan, Za'ba menamai kewajiban pendidikan itu diibarat sebagai "kalimah syahadah" yang tidak boleh tidak wajib diberikan kepada setiap diri memperbaiki nasib orang Melayu. Diharapkan, pelajaran yang diterima itu bukan sahaja menajamkan akal anak-anak Melayu, malah memperindah af'al mereka. Kata Za'ba, inilah dua lubuk yang harus kita awasi bagi menghindarkan diri daripada jatuh ke lembah kemiskinan.

Penulisan ini sudah tentu tidak akan terhasil tanpa beberapa pihak yang memberi sumbangan besar. Rencana asli Za'ba dalam The Malay Mail telah kami dedikasi waktu untuk mendapatkannya daripada pelbagai institusi yang menyimpan rekod-rekod arkib dan yang berkaitan dengan Za'ba. Namun akhirnya kami hanya mendapati rencana asli berkenaan hanya tersimpan di satu-satunya institusi iaitu Perpustakaan Hamzah Sendut, Universiti Sains Malaysia. Oleh itu, pihak kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Universiti Sains Malaysia kerana telah memudahcarakan untuk kami mendapatkan naskhah berharga ini. Terima kasih juga kepada Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Shaharum bin Shamsuddin kerana telah menyokong dan membantu kami dari segi memudahkan proses rujukan kami melalui pemerolehan naskhah yang mendorong kepada penghasilan buku ini.



ZA'BA

KEMISKINAN MELAYU DAN JALAN KEPULIHANNYA

Kemiskinan adalah tema yang yang tidak berbatas tempat dan waktu. Ia ada di sepanjang sejarah manusia bermula. Manakala, lebih nyata menyala di negara yang lama dalam kuku penjajahan samada fizikal atau fahaman menyimpang.

Za'ba seorang pemuda yang ketika itu baru berusia 28 tahun (1923) dengan nyalarasa dan seluruh ketangkasan intelektualnya telah menyedari dan dengan berani menggodam masalah ini melalui dua buah artikel yang diterbitkan semula dalam buku ini. Ajaibnya, cubaan pertama itu walau tanpa sebarang latihan ekonomi telah dinilai tinggi oleh sidang editor Malay Mail yang memuji Za'ba sebagai pengarang yang fasih (articulate) sehingga menamakan beliau sebagai "rara avis" - (dalam bahasa latin merujuk kepada spesis yang sangat-sangat langka.

Buku ini diterbitkan ulang sebagai penghormatan kepada Guru Bangsa - Za'ba yang telah seabad membedah masalah yang berusia setua usia manusia ini.

KALAM PRESS
PUBLISHING



KALAM BUDI
SDN BHD (1478815-A)

ISBN 978-629-99515-1-3



9 786299 995151



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA